



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA



MERDEKA
MALAYSIAKU BERDAULAT :
TANAH TUMPAHNYA DARAHKU

SAMBUTAN BULAN
KEMERDEKAAN KE-56
PERINGKAT UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)



Asma Naib Canselor

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Daulat 1 Malaysia

Merdeka! Merdeka! Merdeka!

Laungan keramat ini sentiasa mekar di sanubari watan yang pernah merasai detik Malaysia mencapai kemerdekaan sejak 56 tahun yang lalu. Saat yang sinonim dengan laungan Tunku Abdul Rahman di Dataran Merdeka, ketika itu dapat dilihat pelbagai bangsa berhimpun menyaksikan bendera Malaysia dikibarkan buat pertama kali selepas *Union Jack* diturunkan secara rasmi sehari sebelumnya di Melaka. Upacara bersejarah itu menyaksikan seluruh Persekutuan Tanah Melayu bebas daripada cengkaman penjajah. Keperitan hidup dijajah pasti meninggalkan memori yang tidak mampu dilupakan oleh mereka yang melaluinya. Kepada mereka, kemerdekaan dan kedaulatan bumi tercinta ini sesungguhnya amat disyukuri dan dipertahankan sehingga ke titisan darah terakhir.

Tema '**Malaysiaku Berdaulat: Tanah Tumpahnya Darahku**' amat bertepatan bagi sambutan ulangtahun kemerdekaan Malaysia kali ke-56. Seharusnya tema ini menyemarakkan semangat patriotisme cintakan negara kepada generasi zaman ini yang perlu mengimbas kembali sejarah kemerdekaan negara. Generasi zaman merdeka yang kini jumlahnya boleh dikira perlu mengusahakan sesuatu sebelum meninggalkan legasi penting ini kepada generasi muda yang tidak pernah tahu dan merasai jerit perih hidup di era penjajahan. Kegusaran terdetik apabila melihat *trend* semasa hanya memupuk semangat patriotik sebagai usaha bermusim pada bulan Ogos sahaja. Hatta, jika diberikan bendera percuma sekalipun, generasi hari ini tidak mampu mengibarkannya sebagai tanda sayangkan tanah tumpahnya darah mereka. Justeru, walaupun sejarah tidak boleh diubah, namun ia boleh berulang. Penjajahan tidak mustahil boleh berlaku sekiranya terdapat banyak pihak yang tidak mengambil iktibar daripada sejarah dalam menanganai situasi semasa dan merencana masa depan.

Saya ingin menyeru kepada generasi muda masa kini terutamanya warga Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) supaya merujuk kembali generasi merdeka yang masih ada sebagai panduan untuk mengekalkan kesejahteraan yang sedia dinikmati demi generasi akan datang. Dalamilah ilmu daripada mereka dan sematkan semangat cintakan negara agar kedaulatan tanah tumpah darah kita mampu dipertahankan sampai bila-bila.

Akhir kalam, marilah kita semua sebagai rakyat Malaysia memohon dan berdoa agar kemerdekaan negara ini dapat kekal selamanya. Ambillah iktibar daripada pergolakan dunia luar untuk kita mensyukuri nikmat kemerdekaan dan keamanan yang kita kecapai ini.

Selamat Menyambut Ulangtahun Kemerdekaan Malaysia Kali Ke-56.

Salam Merdeka,

PROFESOR DATO' DR. ASMA ISMAIL
Naib Canselor

TEMA HARI KEMERDEKAAN KE-56

'Malaysiaku Berdaulat : Tanah Tumpahnya Darahku'

- Tema yang bersifat perpaduan dan berorientasikan kepada patriotik dan kesatuan Negara bangsa bagi memberikan peringatan kepada rakyat akan kepentingan bersatu mempertahankan Negara disamping mewujudkan kesedaran rasa sayang dan cintakan Negara.
- Konsep tahun ini lebih menjurus kepada elemen-elemen perpaduan, patriotik, kedaulatan dan keselamatan Negara. Insiden pencerobohan Lahad Datu dan Semporna menjadi iktibar terbaik dalam memperbaiki teras utama dalam bidang ketenteraan.



Logo Hari Kemerdekaan ke-56



Rasional Logo

Imej grafik nombor 56 adalah simbolik sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke 56. Imej berwarna merah diselang-seli berjalur putih melambangkan jalur gemilang menyaluti simbol 56 (56 tahun kemerdekaan), mewakili rakyat Malaysia berbilang kaum, membawa semangat 1 Malaysia yang cintakan keamanan dan keharmonian. Ia juga melambangkan rakyat Malaysia yang bersatu padu menjaga kedaulatan negara dari tahun 1957 sehingga kini. Manakala bulan sabit melambangkan kedaulatan.

01 Januari 1956



Rombongan Rundingan Kemerdekaan
Dari kiri: Datuk Ahmad Kamil, Datuk Dr Ismail, Datuk Hj Abdul Wahab, YTM Tunku Abdul Rahman, Dato' Mohammad Seth, Kolonel Sir H.S. Lee, Dato' Abdul Aziz Majid dan Datuk Abdul Razak
Barisan belakang: T.H. Tan (Setiausaha Wakil Perikatan) dan Abdul Kadis Shamsuddin (Setiausaha wakil Raja-raja)

Rombongan Kemerdekaan bertolak ke Karachi, Pakistan menaiki kapal laut bernama M.V. Asia.



Seramai 10,000 besar terdiri da telah menghar Kemerdekaan Tanjung Pagar

RENTETAN MERDEKA

08 Januari 1956



YTM Tunku dan Lennox Boyd (Setiausaha Tanah Jajahan Inggeris) menandatangani Perjanjian Merdeka di London.

20 Januari 1956



YTM Tunku yang mengetuai Rombongan Kemerdekaan tiba di Lapangan Terbang Batu Berendam, Melaka dengan Malayan Air



YTM Tunku menjulang keris yang dihadiahkan oleh kaum ibu UMNO Melaka yang diwakili oleh Puan Zainab bt Samdin.



YTM Tunku Abdul Rahman membaca Watakah Pengisytiharan Tarikh Kemerdekaan yang disusun oleh En Senu Abdul Rahman, Tn Syed Nasir Ismail dan ditulis oleh En Ibrahim Mahmood (Pengarang Akhbar Merdeka).



Dr. Ismail turut men Kemerde



orang yang sebilangan
ada ahli-ahli UMNO
Rombongan
Pelabuhan
ngapura.

Keratan Akhbar Utusan Melayu,
Rombongan Kemerdekaan yang
dikuasai oleh YTM Tunku sedang
berbincang di Lancaster House.



06 Januari 1956



Keratan Akhbar Melayu, 6 Januari 1956
yang menunjukkan kapal laut M.V. Asia
ke Karachi, Pakistan.

Rombongan Merdeka yang diketuai oleh
YTM Tunku Abdul Rahman disambut oleh
lebih kurang 1,000 jawatankuasa
penyambut daripada Parti Perikatan
semasa tiba di Lapangan Terbang Batu
Berendam, Melaka.




YTM Tunku Abdul Rahman, Datuk
Panglima Bukit Gantang, Toh Muda Hj.
Abdul Wahab Abdul Aziz dan Leong Yew
Koh telah diarak dengan kereta berwarna
hitam bernombor plat M 4442 dari Batu
Berendam hingga ke Klebang untuk
berehat di rumah Tan Cheng Lock.



ys.



ri) dan Dato' Abdul Razak (kanan)
datang pengisytiharan tarikh
an di Padang Bandar Hilir, Melaka.



Watikh Pengisytiharan Tarikh
Kemerdekaan Persekutuan
Tanah Melayu yang ditandatangani
oleh ahli-ahli Rombongan Merdeka
di Padang Bandar Hilir, Melaka.



YTM Tunku Abdul Rahman
melaungkan 'MERDEKA'

Erti Kemerdekaan

- Erti kemerdekaan ialah membebaskan diri daripada cengkaman kuasa asing seterusnya berusaha bangkit sebagai bangsa bermaruah.
- Kekuatan politik untuk memperolehi kemerdekaan perlu didokong oleh penguasaan ilmu pengetahuan untuk mempercepatkan proses pembangunan negara.
- Menyelami erti kemerdekaan dengan menyusuri lembaran sejarah bangsa akan menyedarkan seluruh rakyat betapa perjuangan kemerdekaan tidak pernah terhenti.
- Kegemilangan pada masa kini menjadi pemangkin kepada generasi baru negara untuk meneruskan kecemerlangan yang telah dicapai oleh generasi terdahulu yang menjadi inspirasi untuk kita terus berusaha gigih menjadi bangsa yang maju dan moden.



PENCAPAIAN MALAYSIA SETELAH 56 TAHUN KEMERDEKAAN

Setelah 56 tahun kemerdekaan, rakyat menikmati kestabilan politik, kemewahan ekonomi dan keadilan sosial yang sama dan seimbang. Pendidikan terus memacu rakyat untuk menjadi bangsa yang moden, beradab dan dihormati. Malaysia harum di pentas dunia sebagai sebuah negara membangun yang maju dan stabil.

Beberapa mercu tanda seperti projek pengeluaran kereta nasional pertama Proton Saga yang merintis industri permotoran negara, pembinaan Menara Berkembar Kuala Lumpur yang pernah diiktiraf sebagai di Menara Tertinggi Di Dunia, pembinaan Litar Antarabangsa Sepang yang berjaya menaikkan imej negara khususnya dalam penganjuran sukan lumba kereta Formula One selain mengangkat nama Petronas dalam melahirkan tenaga mahir dalam bidang permotoran dan pelbagai lagi mercu tanda dan kejayaan yang dicapai menjadi produk kebanggaan rakyat Malaysia.

Persediaan menghadapi badai langit terbuka telah dilakukan dengan penubuhan Koridor Raya MultiMedia (Multimedia Super Corridor) agar setanding dengan Lembah Silikon di Amerika Syarikat. Pencapaian rakyat Malaysia juga tidak kurang hebatnya apabila sekumpulan pendaki berjaya menawan puncak Everest pada 15 Mei 1997, berenang merentasi selat Inggeris pada 3 Ogos 2003, ekspedisi penerjunan di kutub utara pada 2003 dan ekspedisi solo menawan benua Antartika pada 2004. Pada 10 Oktober 2007, angkasan Malaysia yang pertama telah dihantar ke Stesyen Angkasa Antarabangsa (ISS).



Majlis Perasmian Sambutan Bulan Kemerdekaan Ke-56

▶ Pelancaran aktiviti sepanjang Bulan Kemerdekaan peringkat USIM



▶ Pelancaran Antologi Lirik Patriotik



◀ Perkongsian pengalaman bersama pendaki Gunung Everest - Cik Siti Hanisah Sharuddin, Ketua Pendaki Everest-FELDA 2013



▶ Pelepasan Ekspedisi Kayuhan Merdeka





ATURCARA

SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN USIM 2013

ACARA	TARIKH / MASA	TEMPAT	RINGKASAN AKTIVITI
MAJLIS PELANCARAN PROGRAM SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN USIM 2013	29 Ogos 2013 / 2.00 - 5.00 petang	Dewan Kuliah Pusat 3	<ul style="list-style-type: none"> - Pelancaran Aktiviti Sepanjang Bulan Kemerdekaan Peringkat USIM - Perkongsian Pengalaman bersama Pendaki Gunung Everest - Pelancaran Antologi Lirik Patriotik - Pelepasan Ekspedisi Kayuhan Merdeka
WALKATHON KEMERDEKAAN SEMPERNA MINGGU TAARUF SARJANA MUDA	3 Sept 2013 / 5.30 - 7.00 malam	Sekitar kampus USIM	<ul style="list-style-type: none"> - Walkathon 10,000 Langkah bertemakan Kemerdekaan
SAYA ANAK MALAYSIA (SAM)	14 - 15 Sept 2013	USIM	<ul style="list-style-type: none"> - Bengkel khas mengasah bakat pelajar membangunkan puisi patriotik. - 10 puisi terbaik ini akan dideklamasikan oleh Pengurusan Universiti.
DIALOG KEMERDEKAAN	4 Sept 2013 / 8.00 - 10.30 malam	Stadium Tertutup Nilai	<ul style="list-style-type: none"> - Terbuka kepada semua staf dan pelajar - Panel dialog adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> i) Prof. Madya Dr. Mohd Rihuan Tee Abdullah ii) Ustaz Pahrol Mohamad Juoi
PERHIMPUNAN KHAS KEMERDEKAAN	18 September 2013	Dataran Canselor / 8.00 - 10.00 pagi	<ul style="list-style-type: none"> - Terbuka kepada semua staf dan pelajar - Pengisian semasa perhimpunan ini adalah seperti berikut <ul style="list-style-type: none"> i) Amanat Kemerdekaan bersama Tan Sri Hassan Azhari ii) Pertunjukan Badan Beruniform iii) Simbolik Penamatan Ekspedisi Kayuhan Merdeka iv) Penyampaian Hadiah v) Pertandingan Ceria Merdeka vi) Persembahan Artis Jemputan - Roy
KHUTBAH JUMAAT EDISI KEMERDEKAAN	23, 30 Ogos 2013 6, 13 September 2013	Surau KK1 / Waktu Solat Jumaat	<ul style="list-style-type: none"> - Terbuka kepada semua staf dan pelajar - Rakaman khutbah akan dimuat naik dalam USIM Online
SAMBUTAN HARI RAYA USIM EDISI KEMERDEKAAN	29 Ogos 2013	Stadium Tertutup Nilai / 9.00 pagi - 12.00 tengah hari	<ul style="list-style-type: none"> - Terbuka kepada semua staf dan pelajar - Hiasan khas bertemakan sambutan Kemerdekaan
PERTANDINGAN CERIA KEMERDEKAAN	26 Ogos - 17 September 2013	USIM	<ul style="list-style-type: none"> - Terbuka kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) - PTJ perlu menghiaskan pejabat masing-masing bersempena dengan sambutan Kemerdekaan dan dipertandingkan